

**PINJAMAN PERIBADI MAYBANK / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MAYBANK ISLAMIC**  
**KEMPEN MENANG Shopee BAUCAR 2019**  
**TERMA DAN SYARAT**

1. "KEMPEN MENANG Shopee BAUCAR" ("Kempen") ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 3813-K) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 787435-M) (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank") tertakluk kepada Terma dan Syarat tertera disini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang layak dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan keputusan yang dibuat oleh Maybank.
2. Kempen untuk PINJAMAN PERIBADI MAYBANK/ PEMBIAYAAN PERIBADI-i MAYBANK ISLAMIC ini bermula dari 1 Disember 2019 sehingga 29 Februari 2020 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").

**KELAYAKAN**

3. Kempen ini dibuka kepada semua Pelanggan ("Pelanggan") Pinjaman Peribadi Malayan Banking Berhad (**Maybank**) dan Pelanggan Pembiayaan Peribadi-i Maybank Islamic Berhad (**Maybank Islamic**) yang baru diluluskan dimana pinjaman atau pembiayaan yang dipohon mestilah dibuat melalui laman sesawang Maybank2u, Aplikasi Mudah Alih Maybank, semua Cawangan Maybank, Pusat Kad Kredit Maybank atau Wakil Jualan Terus Luar Talian Maybank dalam Tempoh Kempen dan yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Maybank seperti berikut:
  - i. Warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas dan had umur maksima untuk pemohon adalah 60 tahun.
  - ii. Pendapatan minima untuk yang bekerja atau mempunyai pekerjaan sendiri mestilah sebanyak RM42,000 setahun.
  - iii. Untuk pemohon yang bergaji tetap, dokumen yang diperlukan adalah salinan Kad Pengenalan (kedua-dua belah) dan slip gaji satu (1) bulan terkini.
  - iv. Bagi pemohon yang bekerja sendiri, dokumen yang diperlukan adalah salinan Kad Pengenalan (kedua-dua belah), Pendaftaran Perniagaan dan Penyata Bank enam (6) bulan terkini.

Pelanggan tersebut selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak".

4. Untuk mengelakkan keraguan, mereka yang berikut **TIDAK** layak menyertai kempen ini:
  - i. Pelanggan sedia ada Pinjaman Peribadi Maybank dan Pembiayaan Peribadi-i Maybank Islamic.
  - ii. Kakitangan Maybank dan Maybank Islamic Berhad.
5. Amaun Pinjaman/Pembiayaan, Kadar Rata Tetap dan Tempoh pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Amaun Pinjaman/Pembiayaan	Kadar Rata Tetap (setahun)	Tempoh
RM5,000 - RM20,000	8%	Minima - 2 tahun Maksima - 6 tahun
RM20,001 - RM50,000	7%	
RM50,001 - RM100,000	6.5%	

### KELAYAKAN PENYERTAAN

6. Pemenang e-Baucar ("Baucar") akan dipilih secara rawak berdasarkan permohonan yang diterima dan diluluskan dalam tempoh kempen dengan jumlah pinjaman / pembiayaan yang diluluskan sebanyak RM10,000 dan ke atas.
7. Semua Pelanggan baru mestilah memohon Pinjaman Peribadi Maybank/Pembiayaan Peribadi-i Maybank Islamic melalui Maybank2u, Aplikasi Mudah Alih Maybank, Cawangan dan Pusat Kad Kredit Maybank atau Wakil Jualan Terus Luar Talian Maybank dalam tempoh Kempen.
8. Tiada borang penyertaan diperlukan untuk menyertai Kempen ini kerana penyertaan Pelanggan akan di kesan secara otomatik untuk setiap permohonan yang telah diluluskan seperti berikut:

5X penyertaan	2X penyertaan
Permohonan menerusi Maybank2u atau Aplikasi Mudah Alih Maybank	Permohonan melalui Cawangan Maybank, Pusat Kad Kredit Maybank atau Wakil Jualan Terus Luar Talian Maybank

### HADIAH PEMENANG

9. Tiga puluh (30) pemenang akan dipilih untuk setiap bulan Tempoh Kempen secara otomatik menerusi 'Pilihan Rawak' yang dihasilkan melalui komputer dalaman berdasarkan bilangan penyertaan yang diterima.
10. Sejumlah sembilan puluh (90) pemenang akan menerima Baucar bernilai RM500 setiap seorang (denominasi RM100 x 5).
11. Kod Baucar akan dihantar kepada semua pemenang ke alamat e-mel yang ditulis di dalam borang permohonan.
12. Baucar hanya sah untuk tempoh tiga (3) bulan dan untuk pendaftaran keluar Aplikasi Shopee sahaja.
13. Pembelian dengan Baucar hanya boleh dibuat dari "Penjual Pilihan" & 'Shopee Mall' sahaja.
14. Sekiranya Baucar masih tidak digunakan selepas tarikh yang dinyatakan pada Baucar, Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tarikh Baucar tersebut dan tidak akan membayar balik sebarang wang untuk bahagian yang tidak digunakan sekiranya Pemenang tidak menggunakan sepenuhnya.
15. Maybank TIDAK akan memberikan apa-apa penggantian atau mengganti Baucar jika pemenang menolak Baucar yang dihantar dan / atau permintaan untuk pilihan alternatif.
16. Baucar diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barang lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

### **PEMILIHAN PEMENANG**

17. Pelanggan yang Layak akan disenarai pendek secara otomatik menerusi 'Pilihan Rawak' yang dihasilkan melalui komputer dalaman yang menggunakan nombor rawak untuk senaraikan penyertaan yang layak.
18. Semua akaun Pinjaman Peribadi Maybank atau akaun Pembiayaan Peribadi-i Maybank Islamic yang telah diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mestilah sah dan belum dibatalkan serta dalam keadaan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh Maybank. Jika tidak, Pelanggan yang layak akan dibatalkan.
19. Pemenang yang terpilih tidak layak untuk mendapat Hadiah mengikut mana-mana yang berkenaan, jika tidak ada bayaran yang dibuat melebihi 30 hari dari tarikh pembayaran akaun Pelanggan masing-masing.
20. Setiap Pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) Baucar RM500 sahaja (denominasi RM100 x 5).

### **PEMENUHAN HADIAH**

21. Pemenang akan dimaklumkan sama ada secara bertulis atau melalui telefon atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank dimana pengumuman Pemenang akan dibuat di Maybank2u ("Laman Web Maybank") dalam tempoh lapan (8) hingga dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
22. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau tidak menerima Hadiah, Pemenang dikehendakai menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di 1300 88 6688 selewat-lewatnya sebelum 31 Mei 2020. Tiada aduan lanjut, surat-menyurat dan/atau pertanyaan akan dilayan selepas 31 Mei 2020.

### **NOTIS PRIVASI MAYBANK**

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang layak bersetuju dan mempersetujui untuk membenarkan data peribadinya dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Notis Privasi Maybank, yang boleh dilihat di laman web Maybank ("Notis Privasi Maybank").
24. Selain itu dan tanpa menjaskan syarat dalam Notis Privasi Maybank, Pelanggan yang layak bersetuju dan mempersetujui dengan data atau maklumat peribadinya yang dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
  - a. tujuan Kempen; dan
  - b. aktiviti pemasaran dan promosi yang dilakukan oleh Maybank termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk iklan atau media publisiti dan bahan seperti audio dan / atau rakaman visual yang diterbitkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan digital media dan di Internet. Kegiatan pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan penggunaan dan / atau penerbitan apa-apa butiran yang disediakan dalam dan / atau berkaitan dengan penyertaan, bahan wawancara serta tanggapan dan gambar-gambar terkait. Sehubungan ini, setiap Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini.

### TERMA DAN SYARAT UMUM

25. Pelanggan juga bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen ini selain daripada terma umum untuk Pinjaman Peribadi Maybank/Pembiayaan Peribadi-i Maybank Islamic dimana berkenaan, yang mengawal peruntukan kemudahan pembiayaan atau kredit oleh Maybank.
26. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan yang Layak:
  - a. bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan;
  - b. bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Maybank dalam Tempoh Kempen berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan konklusif;
  - c. bersetuju bahawa keputusan Maybank ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak. Tiada rayuan atau surat-menyurat akan dilayan;
  - d. memberi kebenaran untuk Maybank mendedahkan butir-butir mereka kepada pembekal khidmat / pembekal sah pihak ketiga termasuk vendor, pembekal, pengiklanan dan agensi promosi yang terlibat dengan Maybank untuk menghubungi mereka semasa dan selepas Kempen kecuali dinyatakan secara bertulis;
  - e. bersetuju untuk melayari laman web Maybank di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk menyemak terma dan syarat Kempen ini dan akan mendapatkan penjelasan daripada Maybank untuk mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya;
  - f. tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan terhadap Maybank atau mana-mana pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan / atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh penyertaan / beliau dalam Kempen ini sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pindaan, penamatian atau pengantungan Kempen.
27. Maybank (untuk produk Islamic yang terlibat, tertakluk kepada peraturan Shariah) berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberikan 21 hari notis terlebih dahulu melalui portal Maybank atau melalui mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Sebarang pindaan berkuat kuasa serta merta dan dianggap telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
28. Maybank tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung sebarang bentuk liabiliti dalam apa jua bentuk sama ada yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini. Tambahan pula, Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh apa-apa kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, perang, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.



**Maybank**



**Maybank Islamic**

29. Maybank berhak untuk membatalkan peruntukan Hadiah untuk Kempen ini jika Pelanggan gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Kempen ini.
30. Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta berkenaan dengan Hadiah yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media masa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
31. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
32. Terma & syarat ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan semua Pelanggan yang layak menyertai kempen ini dianggap telah bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.